

'Bantu kami untuk duduk di rumah'

Dr Noor Hisham gesa orang ramai bersedia hadapi gelombang Covid-19 terburuk

KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menggesa orang ramai agar bersedia untuk menghadapi gelombang Covid-19 terburuk, berikutan trend terkini peningkatan graf jangkitan Covid-19 di negara ini.

"Peningkatan kes bermula sejak 1 April dan boleh

mencetuskan lonjakan menegak. Kita perlu membuat persediaan untuk menghadapi keadaan terburuk. Tolong bantu kami untuk duduk di rumah. Jika kita bekerjasama, kita boleh memutus rantai jangkitan," kata Dr Noor Hisham menerusi akaun Twitter rasmi pada Selasa.

Beliau menasihati orang ramai agar duduk di rumah dan terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sekiranya berlaku kecemasan atau hadir ke tempat kerja.

Sementara itu, Dr Noor Hisham dalam kenyataan ha-



DR NOOR HISHAM

riannya memaklumkan sebanyak 7,289 kes baharu Covid-19 dilaporkan pada Selasa iaitu jumlah tertinggi pernah direkodkan di Malaysia.

Beliau berkata, dengan angka tersebut menjadikan jumlah keseluruhan kes ialah sebanyak 525,889 kes.

"Seramai 726 pesakit Covid-19 diletakkan di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 373 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," kata Dr Noor Hisham.

Menurutnya, kes kematian

yang dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah sebanyak 60 kes melibatkan 59 rakyat tempatan dan seorang warga asing menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian Covid-19 ialah 2,369 kes.

"Ini melibatkan 15 kes di Selangor, 10 kes di Johor, masing-masing enam kes di Sarawak dan Kedah manakala lima di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Selain itu, Sabah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan masing-masing tiga kes, dua di Melaka dan Negeri Sembilan serta satu di Pahang dan Terengganu," katanya.

Rakyat tempatan pertama dijangkiti varian India

PUTRAJAYA - Seorang rakyat tempatan menjadi individu pertama di negara ini dikesan dijangkiti varian Covid-19 dari India, B.1.671.2

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, individu berkenaan merupakan kontak rapat kepada warga India yang sama-sama menaiki penerbangan dari Kuala Lumpur ke Labuan pada 23 April lalu.



Menurutnya, warga tempatan itu mempunyai gejala pada 3 Mei dan menjalani ujian RTK-Ag pada hari yang sama.

"Dia dikesan positif menerusi ujian calitan RT-PCR pada keesokan harinya.

"Seperti yang telah diketahui, varian baharu ini mempunyai kadar kebolehan jangkitan Covid-19 dan kematian yang lebih tinggi," kata beliau.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
525,889	460,062	726	2,369	+7,289	2,483,496

